



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

KENYATAAN MEDIA

Projek ECRL Catat Kemajuan Keseluruhan 90.81% Setakat Disember 2025

KOTA BHARU, 29 Januari: Pembinaan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sepanjang 665 kilometer telah mencatat tanda aras yang membanggakan dengan kemajuan keseluruhan sebanyak 90.81 peratus setakat Disember 2025, sekali gus mengatasi sasaran projek sebanyak 90.0 peratus untuk tahun 2025.

Prestasi kemajuan Projek ECRL yang amat memuaskan bagi tempoh tahun 2025 telah didorong antaranya oleh penyiapan kerja-kerja pengorekan bagi kesemua 41 buah terowong, penyempurnaan kerja-kerja pemasangan landasan sebanyak kira-kira 500 kilometer, dan pemasangan lebih 12,000 tiang *Overhead Catenary System (OCS)* bagi tujuan aliran elektrik.

Menteri Pengangkutan, YB Tuan Loke Siew Fook, telah mengadakan lawatan kerja ke Stesen Kota Bharu pada hari ini bagi meninjau secara langsung status pelaksanaan serta kemudahan yang disediakan. Turut hadir semasa lawatan adalah Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), YBhg Dato' Sri Darwis Abdul Razak. Pembinaan Stesen Kota Bharu telah mencatat kemajuan keseluruhan sebanyak 82.06 peratus setakat Disember 2025 dan dijangka siap sepenuhnya menjelang suku kedua 2026.

Stesen Kota Bharu merangkumi reka bentuk bangunan yang berteraskan konsep 'Rumah Meleh Melayu' dan 'Bunga Ketam Guri' serta menggunakan ciri-ciri unik kebudayaan Kelantan. Dibina di atas tanah seluas 20.94 hektar, stesen penumpang ini melibatkan platform bertingkat dan dilengkapi dengan kemudahan seperti eskalator, lif, lokasi *pick-up* dan *drop-off*, lebih 500 lot tempat letak kereta, laluan pejalan kaki berbumbung, kawasan landskap, dan kuarters pekerja & krew kereta api.

YB Menteri juga berpeluang melawat 'Feeder Station 01' (FS01) di tapak Stesen Kota Bharu, dimana bekalan elektrik 132 kilovolt (kV) dari Pencawang Masuk Utama (PMU) Tunjong ke FS01 telah berjaya diaktifkan lebih awal daripada jadual asal. Pengaktifan bekalan elektrik ini akan membolehkan keseluruhan aktiviti ujian dan pentauliahan di Stesen Kota Bharu serta peralatan tepi landasan dapat dijalankan dengan lebih awal.

Kementerian Pengangkutan, yang mengawal selia Projek ECRL, berpuas hati dengan pembinaan jajaran ECRL sepanjang 43 kilometer di negeri Kelantan yang telah mencapai kemajuan sebanyak 96.67 peratus sehingga Disember 2025. Jajaran ECRL di negeri Kelantan turut melibatkan pembinaan Stesen Kota Bharu di Tunjong bagi kegunaan penumpang sahaja dan Stesen Pasir Puteh di Cherang Tuli bagi tujuan penumpang serta kargo.



Kementerian Pengangkutan yakin fasa ujian dan pentauliahan secara menyeluruh bagi Projek ECRL dapat dilaksanakan bermula Jun 2026 bagi memastikan kesediaan sistem ECRL dapat berfungsi dengan lancar dan selamat.

Kementerian Pengangkutan juga optimis jajaran ECRL dari Kota Bharu ke Terminal Bersepadu Gombak dapat disiapkan menjelang Disember 2026 seperti dijadualkan dan perkhidmatan komersial ECRL dijangka beroperasi bermula Januari 2027.

YB Menteri turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat serta semua Agensi dan Jabatan Kerajaan atas segala sokongan dan kerjasama erat dalam membangunkan Projek ECRL yang merentasi negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, dan Selangor.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

29 JANUARI 2026

-TAMAT-

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

**Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat**

Tel +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)

Faks +603 8892 0208

E-mel unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

